

23 NOV 2002

Malaysia-Lubnan/I

MALAYSIA MAHU MENYUMBANG KEPADA PEMBINAAN SEMULA LUBNAN

Oleh: Wan A. Hulaimi

PARIS, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia boleh menyumbang kepada program pembinaan semula Lubnan menerusi kepakarannya dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) dan pelancongan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata memandangkan Lubnan mahu menggunakan sektor swasta sebagai injin pertumbuhannya, Malaysia mempunyai banyak untuk ditawarkan daripada pengalamannya.

Syed Hamid berada di sini kerana mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke persidangan sehari mengenai Pembinaan Semula Lubnan di bawah naungan Presiden Perancis Jacques Chirac di Istana Elysee.

Beliau berkata Dr Mahathir dijemput khas menghadiri persidangan itu oleh Presiden Lubnan Rafiq Hariri yang ke Kuala Lumpur untuk menyampaikan sendiri jemputan itu.

Sebanyak 18 negara menghadiri persidangan itu termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Canada, Arab Saudi, Denmark dan negara-negara Teluk dengan lapan agensi pelaburan dan kewangan serantau dan antarabangsa termasuk Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) turut mengambil bahagian.

Selepas 15 tahun bergelumang dengan Perang, Lubnan yang pernah menjadi pusat kewangan dan perniagaan terkemuka, kini cuba membina semula komitmen jangka panjang dengan negara-negara dan agensi-agensi yang menyokongnya, kata Syed Hamid.

"Hanya negara yang berada dalam kedudukan boleh memberi bantuan dijemput (menghadiri persidangan ini). Lubnan tidak berminat dengan pinjaman berfaedah tinggi jangka pendek tetapi mahukan komitmen jangka panjang berdasarkan penggal yang lebih menguntungkan," kata beliau.

Dr Mahathir diberi sambutan oleh Hariri semasa ketibaan beliau di sebuah hotel terkemuka di sini pada tengah hari Jumaat.

Beliau berlepas ke London malam ini sebelum mengambil penerbangan berikutnya ke Kuala Lumpur pada Ahad.

-- BERNAMA

WAH LES AO NAK